



UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK TAHUN 6 (2023/2024)

Bahasa Melayu (011)

1 jam 30 minit

Nama	
Kelas	

ARAHAN:

1. *Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.*
2. *Tulis nama dan kelas kamu pada ruang yang disediakan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan.*
4. *Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperole
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
	2	20	
Jumlah		50	

Bahagian A**[10 markah]****Soalan 1 dan 2***Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.*

- 1 Semua pekerja tahu _____ tuduhannya terhadap Auni tidak benar.
- | | | | |
|---|---------|---|------------|
| A | apabila | C | malahan |
| B | bahawa | D | sungguhpun |
- 2 Pak Najib _____ sebagai ketua kampung selama lima tahun berturut-turut.
- | | | | |
|---|----------|---|-----------|
| A | terpilih | C | terlantik |
| B | tertunai | D | terjadi |

Soalan 3*Pilih ayat **yang betul**.*

- 3
- | | |
|---|--|
| A | Puan Ayuni memasak atau mencuci pinggan. |
| B | Kamu suka makan buah epal hijau atau epal merah? |
| C | Fauzi serta Amin sudah berkawan baik sejak sekolah rendah. |
| D | Ayah menternak lembu dengan kambing sejak sepuluh tahun yang lalu. |

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada suatu hari, Nazim diminta oleh ibunya membeli kentang di kedai runcit milik Pak Manaf. Ibunya mahu membuat inti karpap sebagai juadah untuk sarapan semasa aktiviti gotong-royong di balai raya esok.

Semasa dalam perjalanan pulang dari kedai, sebiji kentang yang berada di dalam beg plastiknya terjatuh di atas jalan. Kentang itu bergolek-golek dengan lajunya kerana jalan di situ agak curam. Nazim terpaksa mengejar kentang itu.

Sedang Nazim mengejar kentang yang bergolek-golek di atas jalan itu. Rupa-rupanya berlaku kemalangan di belakangnya, iaitu sebuah kereta terbabas lalu berlanggar sebatang pokok tepi kedai makan tidak jauh dari tempat Nazim berdiri.

Nazim berasa sangat terkejut. Sekiranya dia tidak mengejar kentang yang jatuh itu mungkin dia akan terlibat dalam kemalangan tersebut. Setibanya di rumah, dia memberitahu ibunya tentang kejadian yang berlaku itu. Ibunya bersyukur kerana Nazim terselamat disebabkan oleh sebiji kentang.

- 4 Di manakah Nazim membeli kentang?
- A Di balai raya.
 - B Di pasar tani.
 - C Di kedai runcit.
 - D Di kedai makan.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Ibu Nazim bersyukur kerana Nazim dapat membeli kentang.
 - B Nazim berhasrat untuk mengikut ibunya bergotong-royong di balai raya.
 - C Nazim mendengar bunyi dentuman yang kuat semasa mengejar kentang.
 - D Ibu Nazim mahu membuat karpap berintikan kentang untuk peserta gotong-royong.

- 6 Berikut ialah maksud lain bagi perkataan *terselamat* **kecuali**
- A bebas daripada gangguan.
 - B dijauhi daripada kecelakaan.
 - C terhindar daripada musibah.
 - D terpelihara daripada bahaya.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PAMERAN KESIHATAN

Tarikh : 7 Januari 2023
hingga 14 Januari 2023

Masa : 9:00 pagi hingga 4:30 petang

Tempat : Dewan Harmoni Taman Rasa Indah

Pengunjung ke-8, ke-100, ke-1000, dan ke-3000 yang hadir akan mendapat hadiah istimewa.

SEMUA DIUNDANG

BAHAN 1

Razif suka melihat peralatan hospital. Oleh itu, dia mengajak keluarganya melawat ke Pameran Kesihatan yang diadakan tidak jauh dari tempat tinggal mereka.

Objektif pameran itu diadakan adalah untuk menarik minat murid dalam bidang perubatan. Seterusnya, orang ramai yang hadir ke pameran itu berpeluang untuk mendapatkan hadiah istimewa yang disediakan oleh pihak penganjur.

Razif berasa sangat gembira semasa melawat ke pameran tersebut. Dia juga langkah kanan kerana mendapat hadiah berupa basikal kerana menjadi pengunjung ke-3000 Pameran Kesihatan itu.

BAHAN 2

- 7 Matlamat utama Pameran Kesihatan itu diadakan adalah untuk
- A menarik minat murid dalam bidang perubatan.
 - B menarik minat murid dalam bidang kedokteran.
 - C menarik minat orang ramai dalam bidang perubatan.
 - D menarik minat murid belajar dalam bidang sains dan perubatan.

Dia juga langkah kanan kerana mendapat hadiah berupa basikal kerana menjadi pengunjung ke-3000 Pameran Kesihatan itu.

- 8 Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A batang.
 - B baris.
 - C buah.
 - D biji.
- 9 Perkataan *diundang* dalam **Bahan 1** boleh digantikan dengan perkataan
- A dijemput.
 - B dihalau.
 - C ditinggalkan.
 - D disita.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** tersebut.
- A Razif tidak menyukai peralatan hospital di pameran kesihatan.
 - B Pameran tersebut dapat menarik minat murid dalam bidang kedokteran.
 - C Semua pengunjung yang hadir ke Pameran Kesihatan akan mendapat hadiah istimewa.
 - D Razif mendapat hadiah berupa basikal kerana hadir ke pameran tersebut.

Bahagian B**[10 markah]****Soalan 1**

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Anas murid yang aktif dan cergas. Pada waktu petang, Anas akan bermain bola sepak bersama dengan kawan-kawan setamannya. Selain itu, Anas selalu berjoging bersama-sama ayahnya bagi mengekalkan staminanya. Anas turut mengamalkan pemakanan seimbang bagi menjaga kesihatannya. Anas sentiasa menjaga pemakanan melalui didikan keluarga dan guru-gurunya. Jika sering mengambil makanan segera, kesihatan seseorang itu akan terjejas. Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang diamalkan oleh Anas, dia sentiasa sihat, aktif, dan cergas. Dia berjaya mengawal berat badannya dan mencegah obesiti.

- 1 (a) Anas merupakan seorang murid yang _____.
[1 markah]

- (b) Apakah aktiviti yang selalu dilakukan oleh Anas dan ayahnya?

[2 markah]

- (c) Gariskan **kata adjektif** yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Jika sering mengambil makanan segera, kesihatan seseorang itu akan terjejas.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

Pada waktu petang, Anas akan bermain bola sepak bersama kawan-kawan setamannya.

Anas bermain bola sepak dengan kawan-kawan di tamannya apabila hari petang.	
Anas dan kawan-kawan setamannya akan bermain bola sepak bersama-sama pada waktu petang.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah ini.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu menggunakan sebuah tandas awam ketika menyertai lawatan sambil belajar ke sebuah kilang pemprosesan. Tiba-tiba kamu terlihat kotoran di kawasan singki dan dinding tandas tersebut.

Sebagai seorang yang prihatin, apakah tindakan kamu?

[5 markah]

[10 *markah*]

[illegible]

[20 *markah*]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal blue ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

[20 *markah*]

-Kertas Soalan Tamat-